



ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	PERUTUSAN YANG DIPERTUA	2
2.	RINGKASAN EKSEKUTIF	3
3.	SEJARAH TAIPING	7
4.	SEJARAH PENUBUHAN MPT	7
5.	KEDUDUKAN DAN KELUASAN PENTADBIRAN MPT	8
6.	PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG	9
7.	CARTA ORGANISASI MPT	10
8.	STAKEHOLDER DAN PELANGGAN	13
9.	VISI MPT	18
10.	MISI MPT	19
11.	MOTO MPT	20
12.	TERAS STRATEGIK DAN CABARAN STRATEGIK	21
13.	PELAKSANAAN PROGRAM STRATEGIK DI MPT	27
14.	PEMANTAUAN DAN PENGUKURAN PRESTASI PROGRAM	30-55
15.	STRATEGIK DI MPT	72-73
16.	PENILAIAN PROGRAM STRATEGIK DI MPT	74-75
17.	PERANCANGAN MASA HADAPAN	76
18.	PENUTUP	77



PERUTUSAN YANG DIPERTUA

Pelan Strategik MPT 2016–2020 merupakan satu dokumen yang menggariskan hala tuju organisasi untuk satu tempoh masa yang telah ditetapkan. Di permulaan tahun pelaksanaan Pelan Strategik ini, semua pihak di dalam Jabatan dan Bahagian MPT telah mengenalpasti isu-isu dan cadangan-cadangan yang dapat membantu untuk menjadikan perancangan yang telah dikenalpasti ini agar boleh dilaksanakan sebagaimana yang dirancangan.

Adalah diharapkan agar semua perancangan yang telah dikenalpasti di permulaan pelaksanaan Pelan Strategik MPT 2016–2020 tidak akan menghadapi apa-apa halangan yang di luar jangka. Sehubungan itu semua Jabatan dan Bahagian MPT adalah diminta mengambil kira aspek-aspek luar jangka sebagai satu elemen untuk mengurangkan risiko dalam penyediaan Kajian Semula Pelan Strategik MPT 2016-2020.

Untuk mengenalpasti dan menilai keberkesanan Pelan Strategik MPT 2016-2020 ini, pihak pengurusan telah menetapkan agar penilaian keberkesanan dan Kajian Semula Pelan Strategik MPT 2016-2020 dilaksanakan pada tahun 2017 atau 2019 di dalam dokumen Pelan Strategik MPT 2016-2020.

Pada tahun 2016 pihak MPT telah di beri kepercayaan oleh Kerajaan Negeri untuk menguruskan Pusat Peranginan Bukit Larut dan juga berlaku perubahan struktur organisasi ke atas beberapa jabatan teras pada tahun 2017 maka amatlah wajar Pelan Strategik MPT 2016-2020 ini di lihat semula serta di kaji dari segi keberkesanannya dengan menambah program-program yang boleh memberi impak yang baharu.

Semoga dengan adanya kajian semula ini dapat memastikan hala tuju yang di rancang oleh semua Jabatan dan Bahagian MPT akan berada di landasan yang telah di persetujui dan selari dengan dasar-dasar yang telah di tetapkan oleh pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan demi mewujudkan sebuah perbandaran yang dinamik, aman dan selesa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MPT CEMERLANG SEPANJANG MASA”



DATO' HAJI ABD RAHIM BIN MD ARIFF, DPMP.,PMP.,AMP.

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Taiping**



RINGKASAN EKSEKUTIF

1. Berpegang kepada prinsip Perancangan Strategik, MPT berkeyakinan penuh bahawa dokumen Pelan Strategik MPT 2016 - 2020 yang disediakan ini merupakan pemangkin bagi menjayakan halatuju MPT untuk tempoh 5 tahun mendatang. Pelan Strategik ini merupakan satu kesedaran dan komitmen pihak pengurusan untuk melakukan transformasi organisasi, lonjakan persekitaran dan mencorak masa depan kemajuan bandar Taiping demi kesejahteraan penduduknya secara total, sejajar dengan misi nasional ke arah mencapai Wawasan 2020.
2. Pelan Strategik MPT 2016 - 2020 ini mengandungi teras dan pelan tindakan yang komprehensif berdasarkan KPI yang ditetapkan. Dengan adanya KPI ini, ianya akan memacu dan melonjak pengurusan MPT ke tahap yang lebih tinggi bagi mencapai pendekatan yang digunakan dalam Pelan Strategik ini berdasarkan Kekuatan, Kelemahan, Peluang dan Ancaman ke arah membuat penilaian dan penetapan Pelan Strategik MPT.
3. Pelan Strategik MPT 2016 - 2020 ini mengandungi lima Fokus Pengurusan MPT yang diterjemahkan kepada Tiga Objektif Strategik yang merangkumi :
 - i. Transformasi Pengurusan dan Pembangunan Organisasi.
 - ii. Penjanaan Sumber Secara Optima.
 - iii. Mempertingkatkan Kualiti Hidup Komuniti dan Persekitaran.

Fokus-fokus dalam Pelan Strategik MPT ini termasuklah;

- i. Memperkasakan Keupayaan dan Kapasiti Organisasi MPT
- ii. Sistem Tadbir Urus Yang Terbaik, Sumber Hasil Kewangan Yang Kukuh
- iii. Penyediaan Kemudahan Untuk Meningkatkan Kualiti Kehidupan Komuniti dan Kolaborasi Dengan Penduduk

Teras Pertama : TRANSFORMASI PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN ORGANISASI MPT

- Meningkatkan atau memperkasakan Keupayaan dan Kapasiti MPT.
- Memperkasakan Sistem Tadbir Urus.

Strategi :

- i. Memantapkan pengurusan organisasi.
- ii. Memantapkan pengurusan sumber manusia.
- iii. Memantapkan sumber kewangan yang cekap.
- iv. Memantapkan pengurusan ICT.



Teras Kedua : PENJANAAN SUMBER HASIL SECARA OPTIMA

- Menggalakan pembangunan dan pelaburan.
- Menggalakan Pelancongan.

Strategi :

- Memantapkan sistem keupayaan kutipan hasil.
- Meningkatkan hasil utama.
- Mempertingkatkan keberkesanan kutipan hasil tunggakan.
- Penglibatan masyarakat dalam usaha mengurangkan tunggakan hasil.
- Mempelbagaikan sumber hasil.
- Menjana hasil-hasil baru :
 - Aktiviti Pelancongan.
 - Peluasan kawasan operasi MPT.
- Mempertingkatkan pengurusan kawalan perniagaan dan pelesenan/Peluang Perniagaan.

Teras Ketiga : MENINGKATKAN KUALITI HIDUP KOMUNITI DAN PERSEKITARAN

- Mempertingkatkan kualiti hidup komuniti
- Memantapkan kolaborasi strategik

Strategi :

- Mempertingkatkan kemudahan dan infrastruktur.
 - Mewujudkan persekitaran yang kondusif dan mampan .
 - Memperkasakan aktiviti kawalan penyakit bawaan vektor.
 - Mempertingkatkan tahap pengurusan kebersihan premis makanan dan persekitaran.
 - Penguatkuasaan Undang-Undang.
 - Memantapkan jaringan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan.
 - Membasmi Kemiskinan Tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan bandar.
 - Memperkasa imej Majlis sebagai bandar Pelancongan Warisan dan Alam Semulajadi.
4. Teras, Strategi dan Pelan Tindakan ini mengorak dan menjurus kepada pencapaian terbaik dari aspek Pengurusan, Pembangunan dan Pelancongan yang sudah tentu mendapat faedah dan manfaat 'Stakeholders', Pelanggan dan Penduduk Taiping secara keseluruhannya.



5. Pelan Strategik MPT ini juga menetapkan sasaran pencapaian masa depan. Namun begitu strategi dan pelan tindakan ini akan tercapai bergantung kepada faktor-faktor kritikal yang melibatkan keupayaan dan kemampuan MPT. Faktor-faktor kritikal kejayaan Pelan Strategik ini termasuklah Komitmen Pengurusan dan Stakeholders, Kompetensi Sumber Manusia serta Sumber Kewangan yang mencukupi. Sokongan dan penglibatan 'stakeholders', penduduk dan warga Taiping di semua peringkat. Keberkesanan Pelan Strategik MPT ini merangkumi memperkasakan transformasi dan mengkolaborasikan elemen-elemen yang telah pun digariskan melalui visi, kemahiran, Insentif, sumber, pelan tindakan dan kepimpinan.
6. Dalam merangka perancangan Strategi ini, pihak pengurusan mengambil kira peranan dan kepentingan hubungan dan kerjasama dengan persatuan penduduk. Pandangan dan maklum balas penduduk diberi perhatian. Disamping itu juga, penglibatan dan jalinan mesra penduduk menjayakan program dan aktiviti MPT dapat memperkukuhkan kerjasama supaya Taman-Taman Perumahan, Kampung-Kampung berada dalam keadaan bersih, indah, selesa dan selamat untuk didiami. Wujudnya kolaborasi ini mempermudah tanggungjawab MPT menjaga persekitaran di seluruh kawasan MPT.
7. Pelan Strategik MPT 2016 - 2020 ini adalah seiring dengan model Transformasi Baru Kerajaan berdasarkan 4 Tonggak Utama Transformasi Kerajaan iaitu:
 - Gagasan 1 Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan.
 - Program Transformasi Kerajaan (GTP).
 - Model Ekonomi Baru (MEB).
 - Rancangan Malaysia ke 10 (RMK10) @ (RMK11).

Empat Teras-teras utama diatas disokong oleh 4 tiang utama sebagai pelengkap iaitu:

- i. Membudayakan Kreativiti dan Inovasi.
- ii. Menetapkan Kepantasan Bertindak dan Membuat Keputusan.
- iii. Nilai untuk Wang.
- iv. Integriti.

Perkara-perkara tersebut diatas diterjemahkan sebagai Model Lapan Tonggak Perdana (LTP) pentadbiran baru kerajaan yang menjadi Landasan Jentera Pentadbiran Kerajaan menjayakan Malaysia Maju Tahun 2020.

8. Sesungguhnya Pelan Strategik MPT ini perlu digarap dan digalas sepenuhnya ke arah kejayaan. Perancangan bersepadu bersama-sama dasar sedia ada termasuklah Wawasan 2020, Perak Maju 2016 dan Gagasan Perak Aman Jaya berasaskan 7 teras yang dinyatakan, Dasar Perbandaran Negara dan lain-lain perancangan menjadi kayu pengukur bagi prestasi pencapaian. Pelan Strategik ini akan di kaji semula dari semasa ke semasa sejajar dengan pentadbiran dan keputusan pengurusan, 'Stakeholkers' dan pelanggan. Komitmen Pengurusan, Penglibatan Anggota Organisasi dan Sokongan Padu secara total penduduk pasti menjadikan Pelan Strategi MPT 2016 - 2020 dan Pelan Transformasi PBT menjadi satu kenyataan dan kebanggaan Warga Taiping.


SEJARAH TAIPING

Bandar Taiping yang terletak di Negeri Perak, dahulunya dikenali sebagai Klian Pauh dan telah ditukar kepada Taiping sempena tamatnya Perang Larut pada tahun 1874. Taiping berasal daripada perkataan Cina “Tai-Peng” yang bermaksud aman selamanya.

Dengan termeterainya Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874, Taiping telah menjadi sebuah bandar yang utama di Negeri Perak sebagai pusat pentadbiran British dan juga merupakan salah satu bandar yang tertua di Malaysia.

Pada tahun 1874, Lembaga Kebersihan / Kesihatan ditubuhkan bagi mentadbir Bandar Taiping. Kini, Taiping merupakan bandar yang kedua besar selepas Bandaraya Ipoh.

SEJARAH PERKEMBANGAN PENTADBIRAN TAIPING





Majlis Perbandaran Taiping terletak dalam Daerah Larut Matang yang mengandungi 12 mukim/bandar iaitu:

1. Mukim Assam Kumbang
2. Mukim Jebong
3. Mukim Tupai
4. Bandar Taiping
5. Mukim Pengkalan Aur
6. Mukim Simpang
7. Mukim Sungai Limau
8. Mukim Bukit Gantang
9. Mukim Trong
10. Mukim Sungai Tinggi
11. Mukim Batu Kurau
12. Mukim Kamunting

KELUASAN KAWASAN PENTADBIRAN

KAWASAN	KM PERSEGI	HEKTAR
Majlis Perbandaran Taiping	186.46	18,646
Operasi	90.71	9,071
Kawalan	95.75	9,575
Rancangan Tempatan	125.00	12,500
Larut Matang	1355.99	135,599


PENDUDUK

Mengikut bancian 2010 dan unjuran bagi tahun 2017, penduduk Majlis Perbandaran Taiping adalah seramai 274,105 orang dan kadar pertumbuhan penduduk bagi tahun 2017 adalah sebanyak 0.06%

PERKARA	LARUT MATANG	MPT
Penduduk	326,476	274,105
Bilangan Kediaman	83,493	67,819
Jumlah Isi Rumah	75,339	63,745




KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN TAIPING





**CARTA ORGANISASI
MAJLIS PERBANDARAN TAIPING**



FUNGSI DAN PERANAN MPT

- Merancang dan mengawal pembangunan tanah secara optima termasuk meluluskan pelan susun atur , pelan pertapakan pelan pita ukur, pelan kerja tanah, pelan jalan dan parit dan pelan landskap.
- Mengawal bangunan termasuk meluluskan pelan bangunan.
- Melesen dan mengawal permis perniagaan, permit sementara, lesen penjaja dan iklan.
- Memberikan perkhidmatan perbandaran, kawalan mutu makanan, kebersihan pusat jualan makanan dan kawalan penyakit berjangkit
- Menyedia kawal selia dan menyelenggara pengindahan bandar dan landskap yang menarik.
- Menyedia kawal selia dan menyelenggara jalan, sistem saliran dan menguruskan sistem trafik.
- Perancangan, penyediaan dan menyelenggara kemudahan awam, infrastruktur dan kemudahan sosial.
- Mengurus dan menyelenggara Zoo Taiping dan Night Safari.
- Mempertingkatkan kemudahan-kemudahan asas dan sosio-ekonomi penduduk ke taraf yang lebih tinggi dari semasa ke semasa.
- Mengurus dan memberi perkhidmatan perbandaran terbaik termasuklah pelupusan sisa pepejal dan pembersihan awam
- Menyedia dan membangunkan pelancongan taiping berteraskan warisan dan eko-Pelancongan.
- Mempertingkatkan hubungan dan kerjasama antara MPT dan masyarakat setempat.
- Menguruskan dan menyelenggara Pusat Peranginan Bukit Larut.




PERNYATAAN PIAGAM PELANGGAN MPT MUDAH, CEPAT DAN MESRA PELANGGAN

- ✚ Kami akan memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada perkhidmatan teras dan semua proses utama Majlis Perbandaran Taiping.

PERKHIDMATAN TERAS

- ✚ Pengurusan Perkhidmatan Perbandaran, Kawalan Perancangan Pembangunan dan Pelancongan

PROSES - PROSES UTAMA



**PUNCA – PUNCA KUASA**

Akta Kerajaan tempatan 1976 (Akta 171)
Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
Kanun Tanah Negara 1969
Akta Perhutanan Negara 1984
Akta Makanan 1983 dan peraturan Makanan 1985
Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)
Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716)
Undang-Undang Kecil PBT yang lain ;
i. Undang-undang Kecil Iklan (MPT) 1983
ii. Undang-undang Kecil Penjaja (MPT) 1983
iii. Undang-undang Kecil Pengendali Makanan (MPT) 1984
iv. Undang-undang Kecil Perlesenan Tred, perniagaan dan Perusahaan (MPT) 1983
v. Undang-Undang Kecil Kebersihan Awam (MPT) 1984
vi. Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan -Kesalahan) 1980
vii. Undang-Undang Kecil Perlesenan anjing (MPT) 1991
viii. Undang-Undang Kecil Pasar Malam/ Sehari (MPT) 1986
ix. Undang-Undang Kecil KerjaTanah (MPT) 1990 di bawah akta jalan, parit dan bangunan 1974



STAKEHOLDER DAN PELANGGAN

STAKEHOLDER

KERAJAAN NEGERI

AHLI MAJLIS MPT

PELANGGAN

PENDUDUK / WARGA TAIPING

PELAWAT / PELANCONG

JABATAN KERAJAAN DAN SWASTA

PEMILIK KEDIAMAN / PREMIS

NGO

KOMUNITI PERNIAGAAN

SYARIKAT KONSESI

PEMAJU / KONSULTAN

ISU-ISU DAN CABARAN-CABARAN KRITIKAL

BIL	ISU-ISU STRATEGIK	MASALAH
1.	Keperluan Memperkasakan Tadbir Urus	<ul style="list-style-type: none">❖ Kurang penerapan nilai-nilai murni❖ Sistem dan prosedur yang tidak komprehensif❖ Kurang permantauan dalaman❖ Pengurusan kewangan yang kurang cekap❖ Kurang budaya organisasi cemerlang
2.	Keperluan Untuk Memantapkan Kapasiti Organisasi	<ul style="list-style-type: none">❖ Kakitangan yang kurang kompeten❖ Kekurangan peralatan❖ Persekitaran pejabat yang kurang konduksif❖ Sumber kewangan yang terhad❖ Tiadanya 'sense of belonging' dikalangan kakitangan MPT❖ Imej dan persepsi rakyat yang kurang memuaskan❖ Kurang idea-idea yang kreatif dan inovatif dikalangan kakitangan❖ Kewujudan pertindihan fungsi dan diskripsi tugas diantara jabatan/bahagian/ unit❖ Pengurusan yang sering bertukar ganti (pelan penggantian)
3.	Keperluan Pementapan Sumber Hasil Dalam Mengoptimumkan Pengurusan Kewangan	<ul style="list-style-type: none">❖ Kadar tunggakan cukai yang tinggi❖ Terlalu bergantung kepada bantuan kewangan negeri / persekutuan❖ Pengurusan kompaun yang tidak cekap dan sistematik
4.	Keperluan Untuk memantapkan pengurusan Perbandaran	<ul style="list-style-type: none">❖ Kadar tunggakan cukai yang tinggi❖ Kurang penyelenggaraan aset MPT❖ Penguatkuasaan yang lemah (vandalisme)❖ Masalah longkang dan jalan❖ Terlalu bergantung kepada bantuan kewangan negeri dan persekutuan❖ Pengurusan kompaun yang tidak cekap dan sistematik❖ Ketenteraman dan keamanan penduduk❖ Pengurusan kutipan hasil❖ Kemudahan dan infrastruktur awam❖ Pembangunan sosio-ekonomi



BIL	ISU-ISU STRATEGIK	MASALAH
5.	Keperluan untuk memanfaatkan Teknologi ICT Dalam urusan Penyampaian Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none">❖ Teknologi dan sistem yang tidak dimanfaatkan secara optimum❖ Sistem ICT yang tidak bersepadu❖ Sistem yang tidak dikemaskini dan diselenggara dengan baik❖ Pemanfaatan ICT yang tidak menyeluruh dikalangan warga
6.	Keperluan untuk Mempertingkatkan Jalinan Kerjasama Strategik	<ul style="list-style-type: none">❖ Kurang kerjasama 'inter-department'❖ Kurang koordinasi diperingkat dalaman❖ Semangat antara bahagian yang terlalu kuat❖ Kurang kerjasama dengan PBT yang bersempadan dengan MPT❖ Kurang jalinan strategik dengan NGO atau agensi-agensi lain❖ Kurang kesedaran dan sense of belongings oleh komuniti setempat❖ Kurang pendedahan kepada inisiatif-inisiatif MPT❖ Kurang penglibatan daripada komuniti

Dalam menjalankan analisa persekitaran, MPT telah menggunakan beberapa kaedah seperti Analisis SWOT, 7s Mckinsey dan PESTEL bagi mengenalpasti isu-isu strategik yang menjadi penghalang dalam mencapai Visi dan Misi MPT.

1. **Keperluan Untuk Memantapkan Kapasiti Organisasi**

Bagi mewujudkan sebuah organisasi yang cemerlang, MPT sentiasa membangunkan sumber manusia yang lebih berpengetahuan dan kreatif, dapat menyediakan kemudahan infrastruktur dan kelengkapan pejabat yang mencukupi serta persekitaran pejabat yang lebih kondusif dan harmoni. Sumber kewangan yang kukuh juga perlu disediakan untuk melaksanakan program dan aktiviti bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Segala tindakan hendaklah dilaksanakan secara konsisten.

2. **Memperkasakan Tadbir Urus Organisasi**

Ke arah meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan, MPT perlu memperkasakan tadbir urus organisasi dengan menerapkan nilai-nilai murni dikalangan warga kerja serta memantapkan sistem dan prosedur kerja bagi memastikan kelangsungan tadbir urus yang cemerlang.

3. **Keperluan Mengukuhkan Pengurusan Kewangan Dalam Mengoptimumkan Penggunaan Sumber Hasil**

Dalam mengoptimumkan sumber hasil, MPT perlu merancang dan mencari hasil-hasil baru dengan membangunkan kawasan yang berpotensi untuk menjana hasil bagi memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan. Pengurusan kewangan yang cekap dan bersistematik juga merupakan pemangkin kepada peningkatan sumber hasil.

4. **Keperluan Untuk Memantapkan Pengurusan Perbandaran**

Pengurusan perbandaran yang terancang dan berkualiti merangkumi pelbagai aspek seperti penyediaan kemudahan awam, perkhidmatan kesihatan awam dan kebersihan, penyelenggaraan infrastruktur dan lanskap, tindakan penguatkuasaan serta kawalan perniagaan melalui pelesenan ke arah mewujudkan perbandaran yang mampan.



5. **Keperluan Untuk Memanfaatkan Teknologi ICT Dalam Urusan Penyampaian Perkhidmatan**

Menyediakan prasarana ICT secara bersepadu dapat meningkatkan kecekapan organisasi dalam memberikan perkhidmatan penyampaian yang efektif dan proaktif serta mesra pengguna.


6. **Keperluan Untuk Mempertingkatkan Jalinan Kerjasama Strategik**

Jalinan kerjasama antara MPT dan rakan strategik melalui program dan aktiviti kemasyarakatan, perkongsian maklumat dan pemantauan bersepadu yang lebih komprehensif selaras dengan tanggungjawab bersama dalam membangunkan perbandaran Taiping.

Visi

**“MENJADIKAN TAIPING SEBUAH BANDARAYA YANG PROGRESIF,
DINAMIK, MAMPAN, SELAMAT DAN SEJAHTERA MENJELANG TAHUN
2050”**

Majlis Perbandaran Taiping akan merealisasikan Visi Majlis dengan :



MISI



Majlis sentiasa berusaha memainkan peranan dalam merealisasikan Misi Majlis ini :

Menyediakan kemudahan infrastruktur yang berkualiti

Menyediakan keperluan perkhidmatan perbandaran

Mengamalkan konsep bandar dalam taman

Memupuk persekitaran yang kondusif

Menjalin dan membina hubungan dengan warga Taiping dan rakan kongsi

Mengamalkan tahap tadbir urus yang responsif



FALSAFAH

“MPT CEMERLANG SEPANJANG MASA”

SLOGAN Q

**PERKHIDMATAN BERKUALITI
PELANGGAN BERPUAS HATI**

**DASAR
KUALITI**

**MPT KOMITED KEPADA PROSES
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
PERBANDARAN YANG CEMERLANG, CEPAT,
CEKAP DAN BERKESAN . INI AKAN
DILAKSANAKAN BAGI MEMENUHI
KEPERLUAN PELANGGANNYA BERASASKAN
PIAWAIAN KUALITI YANG DIIKTIRAF. MPT
JUGA KOMITED MELAKSANAKAN
PENAMBAHBAIKAN SECARA BERTERUSAN
DAN TRANSFORMASI KE ARAH
MENINGKATKAN KEBERKESANAN SISTEM
PENGURUSAN KUALITINYA.**




IDENTITI BANDAR

TAIPING BANDAR WARISAN

PERKHIDMATAN TERAS

PENGURUSAN, PERKHIDMATAN PERBANDARAN,
PERANCANGAN PEMBANGUNAN DAN PELANCONGAN

PROSES-PROSES UTAMA PERKHIDMATAN





NILAI-NILAI BERSAMA

ASPEK-ASPEK PENGURUSAN

- MENGUTAMAKAN PELANGGAN
- MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI
- PENAMBAHBAIKKAN YANG BERTERUSAN
- PROFESIONALISME
- MEWUJUDKAN PERHUBUNGAN ERAT DAN MESRA DENGAN SEMUA PIHAK YANG BERURUSAN DENGAN MAJLIS
- MEMPUNYAI ASPIRASI YANG TINGGI TERHADAP KUALITI, KREATIVITI DAN INOVASI
- PENGURUSAN YANG TELUS
- KEPIMPINAN MELALUI TELADAN
- MENGAMALKAN BUDAYA KERJA CEMERLANG
- PRIHATIN KEPADA KOMUNITI DAN ALAM SEKITAR

ASPEK TENAGA MANUSIA

- BIJAKSANA DAN AMANAH
- INTERGRITI DAN AKAUNTABILITI
- BEKERJASAMA, BERILTIZAM, BERTANGGUNGJAWAB DAN BERDISIPLIN
- SEMANGAT KERJA BERPASUKAN
- TENAGA MANUSIA YANG BERILMU, TERLATIH, KOMITEDAN DAN KOMPETENSI




PETA STRATEGI


Peta Strategi (*Strategy Map*) memberi gambaran menyeluruh terhadap strategi-strategi yang akan dilaksanakan bagi mencapai matlamat sebagaimana yang ditetapkan.

Terdapat 16 bulatan (*bubble*) dalam peta strategi, dan setiap bulatan merupakan strategi yang perlu dilaksanakan bagi mencapai objektif strategi yang telah ditetapkan dalam tempoh masa pelaksanaan Pelan strategik ini. Pencapaian strategi dan objektif strategik ini boleh diukur berdasarkan KPI yang telah ditetapkan.

Peta Strategi ini dibahagikan kepada (4) perspektif utama iaitu Perspektif Pelanggan, Perspektif Kewangan, Perspektif Proses Dalaman serta Perspektif Pembelajaran dan Pertumbuhan.

PETA STRATEGI MAJLIS PERBANDARAN TAIPING 2016 – 2020







ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Terdapat beberapa komponen utama yang dikenalpasti sebagai faktor kritikal kepada kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik MPT antaranya termasuklah:

a) Komitmen Pengurusan Atasan

Kesungguhan dan komitmen yang ditunjukkan oleh pengurusan atasan memberi petunjuk betapa pentingnya Pelan Strategik difahami dan dihayati oleh semua peringkat kakitangan di semua Jabatan.

b) Modal Insan Yang Kompeten

Modal insan merupakan elemen penting menentukan kejayaan Pelan Strategik Organisasi. Oleh itu perancangan sumber manusia yang berkesan amat mustahak. Tumpuan perlu diberikan kepada peningkatan ilmu dan kepakaran modal insan dalam pelbagai bidang kritikal dan strategik. Pendekatan mentor-mentee, coaching dan pengurusan pembangunan kerjaya akan dilaksanakan ke arah meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kerja serta mengekalkan 'institutional memory'. Strategi perancangan modal insan ini juga akan meliputi latihan, pengurusan prestasi dan pengiktirafan.

c) Pengurusan Ilmu (Knowledge Management)

Ilmu, pengalaman dan amalan terbaik berkaitan pemodenan pentadbiran serta sistem penyampaian perkhidmatan akan di kongsi dan di tambah nilai melalui penggunaan sistem pengurusan ilmu atau 'Knowledge Management' (KM). Penggunaan KM secara optima akan memastikan penggunaan sumber ilmu secara berkesan dalam mencapai objektif strategik MPT.



d) Kecemerlangan Sistem Pengurusan dan Budaya Kerja

MPT sentiasa berusaha melakukan transformasi dan penambahbaikan dalam sistem pengurusan dari semasa ke semasa melalui peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, cekap dan berkesan. Pelaksanaan sistem tadbir urus berteraskan Sistem Kualiti MS ISO 9001:2015, KPI, Piagam Pelanggan dan pemodenan Sistem ICT secara on-line menjadi teras kejayaan Pelan Strategik MPT.

Pelaksanaan dan penghayatan Budaya Kerja Kelas Pertama dalam Sistem Pengurusan juga akan menjadi penentu kejayaan Pelan Strategik.

e) Kelengkapan Peralatan dan Teknologi Maklumat yang moden

MPT akan memastikan kesediaan dan kecukupan kemudahan peralatan dan maklumat yang baik bagi memudahkan dan menjayakan pelaksanaan operasi dan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Usaha ini termasuklah penggunaan teknologi maklumat yang terkini ke arah pencapaian matlamat Pelan Strategi dengan lebih cemerlang.

MEKANISME PELAKSANAAN

Bagi memastikan setiap Jabatan/ Bahagian di Majlis Perbandaran Taiping memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam tempoh 5 tahun ini, strategi dan pelan tindakan di dalam pelan ini akan dipantau dan dibuat kajian semula mengikut jadual perancangan seperti Jadual 5. Penilaian pencapaian Pelan Strategik ini akan dijalankan pada setiap dua tahun. Untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan objektif strategik, strategi, program dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan, satu kajian semula Pelan Strategik dan kajian keberkesanan akan dibuat pada tahun 2017 dan 2019. Kajian tersebut akan turut mengambil kira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan strategik Majlis Perbandaran Taiping.

Jadual 5:

Jadual Perancangan Pemantauan dan Penilaian Pelan Strategik

BIL	PERKARA	TARIKH CADANGAN
1.	Mesyuarat Pemantauan Pelan Strategik	Setiap 6 bulan
2.	Penilaian Pencapaian	Setiap dua tahun
3.	Penilaian keberkesanan dan Kaji Semula Pelan Strategik	2017 / 2019



Dalam pada itu, bagi memantapkan tadbir urus dan memastikan pelaksanaan Pelan Strategik ini berjalan dengan berkesan, adalah dicadangkan satu - JawatanKuasa Khas diwujudkan. Jawatankuasa ini akan dinamakan Jawatankuasa Transformasi Majlis Perbandaran Taiping.

Keahlian jawatankuasa adalah seperti di Jadual 6 dibawah.

**Jadual 6:
Jawatankuasa Transformasi
Majlis Pebandaran Taiping**

JAWATAN	KEAHLIAN
Pengerusi	Yang Dipertua MPT
Setiausaha	Setiausaha Perbandaran, MPT
Ahli-ahli	Semua Pengarah Jabatan/Bahagian
Urus Setia	Bahagian Kualiti / Jabatan Khidmat Pengurusan

Jawatankuasa ini akan bertindak sebagai penyelarasan utama di dalam pemantauan, penilaian dan kajian semula Pelan Strategik Majlis Perbandaran Taiping berdasarkan kepada pengukuran dan pelan tindakan yang ditetapkan.



MELANGKAH KE HADAPAN

Selepas perancangan strategik ini dilaksanakan sehingga tahun 2020, peranan Majlis Perbandaran Taiping di harap akan lebih menyerlah dalam aspek pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh kerana agenda pengurusan pihak berkuasa tempatan adalah agenda yang berterusan, maka Perancangan Strategik 2016 – 2020 bukanlah suatu tempoh yang secukupnya untuk mengukur pencapaian secara holistik. Akan tetapi perancangan ini perlu diteruskan lagi bagi membangun dan memantapkan lagi transformasi pengurusan pentadbiran Majlis Perbandaran Taiping berdasarkan kepada keperluan semasa ke Arah Merealisasikan Perkhidmatan Awam Bertaraf Dunia pada 2016, Wawasan 2020 (Negara Maju) dan ‘The Great Nation 2050’.

Menjelang tahun 2020 Majlis Perbandaran Taiping mempunyai gagasan dan berwawasan untuk mencapai ke tahap seperti berikut:

- a. Menjadi agensi yang relevan, berinovasi dan yang terunggul di Malaysia dalam hal ehwal pengurusan Pihak Berkusa Tempatan serta mencapai kemajuan pembangunan berstatus sebuah negara maju ;
- b. Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan yang cekap dan berkesan serta dijadikan penandaaras dan pusat rujukan serta mempraktikkan Amalan-Amalan Terbaik di peringkat nasional dan antarabangsa;
- c. Dapat menyediakan semua perkhidmatan teras dan sokongan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan secara on-line dengan penggunaan sistem maklumat teknologi terkini secara komprehensif.

**PELAN TINDAKAN MPT 2016 - 2020****1. TRANSFORMASI PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN ORGANISASI**

BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	OUTCOME/KEBERHASILAN	JABATAN/BAHAGIAN
1.1	MEMPERTINGKATKAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI MPT	Membangun keupayaan pengurusan dan sistem penyampaian perkhidmatan terbaik	Mencapai taraf sekurang-kurangnya 4 bintang pada Tahun 2015	Pengiktirafan melalui Sistem Star Rating PBT	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
1.2	MEMPERKASAKAN SISTEM TADBIR URUS 1.2.1 Memantapkan keupayaan pengurusan organisasi	1. Memperkukuhkan struktur dan Skim Perkhidmatan organisasi	Satu kajian semula perjawatan & organisasi dilakukan untuk setiap 2 tahun sekali tertakluk kepada kelulusan Lembaga	Pengisian jawatan mengikut kelulusan dan keperluan	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
		2. Menghayati budaya kerja cemerlang	Mengadakan Kursus-Kursus yang berkaitan pembudayaan kerja cemerlang untuk kakitangan menerusi jadual latihan yang disediakan.	Menghasilkan pegawai yang terlatih dan kompeten	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
		3. Program Kualiti dan Produktiviti	Menyertai Pencalonan Untuk Anugerah dan Pengiktirafan Kualiti, Inovasi Serta Produktiviti Oleh Pihak Yang Berkaitan	Mendapat Pengiktirafan dari Pihak Yang Berkaitan	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN/BAHAGIAN KUALITI
		4. Mengamalkan Budaya korporat, Teknologi terkini dan Inovasi	1 pekerja 1 komputer mengikut kesesuaian jawatan	Menghasilkan Pekerja Yang Celik IT Dalam Pengurusan	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN/BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
			Soal selidik kakitangan sekurang-kurangnya 1 tahun sekali	Dapat Mengenalpasti Keperluan Semasa Kakitangan	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	OUTCOME/KEBERHASILAN	JABATAN/BAHAGIAN
	1.2.2 Memantapkan Keupayaan Pengurusan Organisasi	1. Penambahbaikan sistem Penyampaian Perkhidmatan Program Transformasi MPT 2016 – 2020 Program Transformasi Kerajaan (GTP)	Pensijilan MS ISO 9001:2015 SSR PBT – 4 bintang Sijil Amalan 5S Indeks Akauntabiliti Bahagian OSC dimantapkan Semakan Pekeliling/ Peraturan / Prosedur Kerja Semakan Piagam Pelanggan	Peningkatan Pengetahuan Dan Amalan Terbaik Dari Kakitangan	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN/BAHAGIAN KUALITI
		2. Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan berkualiti	Pemodenan Pentadbiran Dan kemudahan tempat kerja mengikut Amalan 5S	Memberi Keselesaan Dan Menambah Kecekapan Kakitangan	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN/JABATAN KEJURUTERAAN
		3. Memantapkan sistem dan prosedur kerja	Penyediaan MPK terkini Setiap anggota Satu Fail Meja. Sistem Kaunter dan Khidmat Pelanggan	Meningkatkan Kefahaman Dan Kemahiran Kakitangan Mengenai Halatuju Organisasi	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN/BAHAGIAN KUALITI
		4. Menambahbaik sistem e-aduan	Penambahbaikan sistem 2 tahun sekali	Meningkatkan Kecekapan Pengurusan Aduan Semasa	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN/BAHAGIAN KOPRORAT, PERHUBUNGAN AWAM DAN PELANCONGAN
		5. Mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan	Pematuhan undang-undang setiap masa Penyelesaian Kes Pelanggaran Undang-Undang mengikut tempoh yang ditetapkan.	Melahirkan Masyarakat Yang Mematuhi Peraturan Undang-Undang	JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN



BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	OUTCOME/KEBERHASILAN	JABATAN/BAHAGIAN
	1.2.3 Memperkukuhkan pengurusan aset dan fasiliti awam	1. Membangunkan Pelan Penyelenggaraan Fasiliti Awam	Budaya Kerja Berjadual Kos Penyelenggaraan yang munasabah dan rendah (value for money)	Pendaftaran Dan Pengurusan Aset Yang Sistematik	JABATAN KEJURUTERAAN/ JABATAN AKAUN DAN KEWANGAN
		2. Mempertingkatkan Penggunaan Sistem Pengurusan Aset	Jangka hayat aset dan kemudahan		JABATAN KEJURUTERAAN/ JABATAN AKAUN DAN KEWANGAN
	1.2.4 Memantapkan Pengurusan Sumber Manusia	1. Mewujudkan Pelan Pembangunan Sumber Manusia	Satu pelan strategik sumber manusia di wujudkan untuk memastikan semua kakitangan mencapai tahap kompetensi.	Mewujudkan Kakitangan Yang Cepak Dan Mahir Serta Berdedikasi Kepada Organisasi	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
		2. Mempertingkatkan kompetensi pegawai	Memberi peluang kepada setiap anggota untuk menghadapi kursus/ seminar bagi memenuhi keperluan latihan 7 hari setahun.		JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
		3. Budaya Kerja Setia kepada organisasi dan kerja berpasukan	Memastikan perhimpunan korporat diadakan 12 kali setahun mengikut jadual. Penyediaan pelan integriti MPT dan Program Pembudayaan		JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
	1.2.5 Pengurusan kewangan yang cekap	1. Perbelanjaan mengikut peruntukan dan berhemah	Tiada teguran audit (Audit sifar) Memastikan mendapat Sijil Bersih Audit Penyata Kewangan.	Memantapkan Kedudukan Kewangan Untuk Menguruskan Perbelanjaan Organisasi	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN/ JABATAN AKAUN DAN KEWANGAN



BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	OUTCOME/ KEBERHASILAN	JABATAN/BAHAGIAN
		2. Mewujudkan sistem kawalan dalaman berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan amanah dan aset	Pengurusan Buku Vot dikemaskini 1 bulan sekali Pelaksanaan Audit Dalam secara berjadual. Indeks Akauntabliti – sasaran 4 Bintang	Memantapkan Tadbir Urus Kewangan Dan Akaun Organisasi	JABATAN AKAUN DAN KEWANGAN
		3. Pengurusan bajet yang lebih komprehensif	Bajet seimbang atau surplus		JABATAN AKAUN DAN KEWANGAN
	1.2.6 Memantapkan Pengurusan ICT	1. Memperluaskan penggunaan ICT untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam	Penilaian dan kaji selidik pengguna dan kakitangan	Kakitangan Organisasi Mahir Dan Cepak Mengendalikan Penggunaan ICT Di Organisasi	BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
		2. Membangunkan aplikasi komputer mengikut keperluan jabatan	Sekurang-kurangnya 2 sistem dalam 1 tahun		BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
		3. Menaiktaraf sistem sedia ada	Pengurangan 50 % aduan masalah sistem dan memastikan sistem aplikasi stabil		BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
		4. Penyelenggaraan perkakasan dan perisian secara berkala. Penggunaan perkakasan mengikut teknologi terkini.	Pengurangan 50 % aduan masalah perkakasan		BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
		5. Menaiktaraf Laman Portal MPT	Perkhidmatan Atas Talian Pengiktirafan Anugerah Pengurusan Teknologi Maklumat		BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT



2. PENJANAAN SUMBER HASIL MAJLIS SECARA OPTIMA

BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	OUTCOME/KEBERHASILAN	JABATAN/BAHAGIAN
2.1	MEMANTAPKAN KEUPAYAAN DAN SISTEM KUTIPAN HASIL : 2.1.1 Pengukuhan kutipan hasil	1. Mempelbagaikan kutipan dan saluran pembayaran hasil melalui kaedah sedia ada :- <ul style="list-style-type: none"> Kutipan secara on-line Kaunter dibuka pada waktu rehat Kutipan di PBT lain Kutipan oleh agensi luar (Pos Malaysia, TNB, TM) Perbankan internet (CIMB klik, MB2U, Pos Online) Operasi kutipan 'pintu ke pintu' Kaunter Bergerak 	98% jumlah kutipan hasil dikutip melalui kaedah sedia ada	Kutipan Hasil Organisasi Dapat Di Optimumkan	JABATAN AKAUN DAN KEWANGAN
		2. Meningkatkan kecekapan sistem pemantauan kutipan hasil melalui : <ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan (JPKA) 	Mesyuarat JPKA diadakan 4 kali setahun.	Prestasi Kewangan Organisasi Dan Tadbir Urus Sentiasa Di Pantau	JABATAN AKAUN DAN KEWANGAN
		<ul style="list-style-type: none"> Laporan Prestasi Kewangan yang dibentangkan setiap bulan dalam Mesyuarat Tujuan Am 	Laporan disediakan 12 kali setahun		JABATAN AKAUN DAN KEWANGAN



BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	OUTCOME/KEBERHASILAN	JABATAN/BAHAGIAN
		<ul style="list-style-type: none"> Sistem Pengurusan Kewangan Berkomputer 	Janaan Sistem Pelaporan Berkomputer sepenuhnya.	Pengurusan Kewangan Dan Tadbir Urus Yang Lebih Cepak Serta Terperinci	JABATAN AKAUN DAN KEWANGAN/BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
		<ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat Jawatankuasa Petugas Kutipan Hasil 	Bilangan Mesyuarat dan Laporan Kutipan Hasil		JABATAN AKAUN DAN KEWANGAN
	2.1.2 Meningkatkan hasil utama	1. Kutipan Cukai Taksiran	Jumlah hasil cukai taksiran tahunan Kenaikan 10 %	Meningkatkan Prestasi Kutipan Hasil Utama Organisasi Secara Tersusun Agar Lebih Efektif	JABATAN PENILAIAN
		2. Kutipan hasil letak kereta	Jumlah hasil letak kereta tahunan Kenaikan 10 %		JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUATKUASAAN
		3. Kutipan lesen perniagaan	Kenaikan 5 % hasil lesen tahunan		JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUATKUASAAN
		4. Jualan tiket Zoo dan Night Safari	Mensasarkan kenaikan pelawat ke Zoo Taiping & Night Safari melebihi 700,000 pelawat / pengunjung.		JABATAN ZOO
		5. Menggalakkan Pembangunan dan Menarik Pelabur-Pelabur	Pembinaan bangunan-bangunan komersial, hotel, industri dan perumahan		JABATAN PERANCANG/JABATAN KEJURUTERAAN/BAHAGIAN BANGUNAN



BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	OUTCOME/KEBERHASILAN	JABATAN/BAHAGIAN
2.2	KUTIPAN TUNGGAKAN HASIL : 2.2.1 Mempertingkatkan keberkesanan kutipan hasil tertunggak	1. Mempertingkatkan usaha kutipan tunggakan cukai taksiran	Kutipan tunggakan tahunan Operasi di jalankan 2 kali setahun	Memastikan Tunggakan Hasil Organisasi DiPantau Dan Diambil Tindakan Wajar	JABATAN PENILAIAN
		2. Menjalankan operasi kutipan tunggakan sewaan	Memastikan tunggakan sewa premis tidak melebihi 2 bulan.,		JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
		3. Kutipan tunggakan kompaun penguatkuasa	Memastikan tunggakan dapat dikutip melebihi 50 – 70 % kimpaun di keluarkan		JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
		4. Kutipan tunggakan kompaun letak kereta	Memastikan tunggakan dapat dikutip melebihi 50 – 70 % kimpaun di keluarkan		JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
		5. Meningkatkan kecekapan sistem pemantauan kutipan hasil	Pelaksanaan program turun padang operasi tunggakan 4 kali setahun		JABATAN AKAUN DAN KEWANGAN/JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN/ JABATAN PENILAIAN
	2.2.2 Penglibatan masyarakat dalam usaha mengurangkan tunggakan Hasil	1. Kempen Kesedaran membayar Hasil	Bilangan penduduk Taiping yang membayar hasil Majlis dalam tempoh yang ditetapkan. Bayaran oleh penduduk Taiping melebihi 50 % setiap tahun		JABATAN AKAUN DAN KEWANGAN/JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN/ JABATAN PENILAIAN
		2. Pemberian insentif Bayaran Hasil			
	3. Jalinan kerjasama dengan agensi utiliti dan pembayaran luar talian yang lain. (con:LAP, TNB, POS ONLINE dll)				



BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	OUTCOME/KEBERHASILAN	JABATAN/BAHAGIAN
	2.2.3 Mempelbagaikan sumber hasil	1. Memperkasa dan memperhebatkan kegiatan ekonomi dan pelaburan yang berimpak tinggi	Jumlah Hasil dari sumber pelaburan	Mewujudkan Suasana Pasaran Perniagaan Dan Pembangunan Tempatan Agar Berkembang Maju Dan Berdaya Saing Antara Sektor Kerajaan Dan Swasta	JABATAN PERANCANG/BAHAGIAN BANGUNAN
		2. Meningkatkan kemudahan dan peluang kegiatan sosio ekonomi bandar	Pertumbuhan ekonomi penduduk		JABATAN PERANCANG/BAHAGIAN BANGUNAN
		3. Mewujudkan dan menggalakkan pembangunan kawasan penempatan baru	Pembinaan kawasan-kawasan perumahan baru		JABATAN PERANCANG/BAHAGIAN BANGUNAN
		4. Sewa ruang tapak niaga di zoo	<ul style="list-style-type: none">Mengisi ruang/ tapak sewaan yang telah disediakan bagi sewaan kepada peniaga-peniaga yang berminat dan yang bersesuaian - 4 kali setahun		JABATAN ZOO
		5. Sewa ruang / bangunan milik MPT	<ul style="list-style-type: none">Menyewa Pavilion Zoo kepada orang awam - 4 kali setahunMemberi perkhidmatan sewaan Bilik Seminar Zoo kepada jabatan kerajaan dan orang awam untuk tujuan kursus atau taklimat. Dicadangkan lokasi perniagaan di kawasan tempat letak kenderaan B bagi penjaja yang berdaftar. Lesen Penjaja bermusim 4 kali setahun		JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN



BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	OUTCOME/KEBERHASILAN	JABATAN/BAHAGIAN
2.3	MENJANA HASIL-HASIL BARU MELALUI: 2.3.1 Mempergiatkan janaan hasil dari aktiviti pelancongan.	1.1 Jualan produk pelancongan Taiping	<ul style="list-style-type: none">• 10 % daripada bilangan pelawat ke Zoo & Night Safari.• 10 % bilangan jumlah pelawat yang datang ke Taiping.	Pengerak Utama Kepada Industri Pelancongan Tempatan Ke Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa	JABATAN ZOO/BAHAGIAN KORPORAT, PERHUBUNGAN AWAM DAN PELANCONGAN
		1.2 Promosi	<ul style="list-style-type: none">• Mengadakan promosi melalui iklan di media massa dan elektronik-2 kali setahun.• Mengadakan sidang akhbar mengenai tarikan terbaru di zoo dan pelancongan Taiping.		JABATAN ZOO/BAHAGIAN KORPORAT, PERHUBUNGAN AWAM DAN PELANCONGAN
		1.3 Aktiviti	<ul style="list-style-type: none">• Bercadang untuk mengadakan program Zoorama pada bulan November setiap tahun untuk menggalakan pengunjung ke zoo• Mengadakan pakej pendidikan bagi kemudahan pelajar dan pengunjung yang datang secara berkumpulan• Menyediakan pemandu pelancong bagi kumpulan lawatan yang merangkumi 10 orang dengan kadar bayaran yang berpatutan.		<p>Menyertai program promosi yang dianjurkan oleh pihak-pihak lain.</p> <ul style="list-style-type: none">• 2 aktiviti setahun mengikut kalendar Pelancongan Negeri / Kebangsaan / Antarabangsa



BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	OUTCOME/KEBERHASILAN	JABATAN/BAHAGIAN
	2.3.1 Mempergiatkan janaan hasil dari aktiviti pelancongan	1.4 Mengadakan dan menyediakan Papan Tanda Zoo Taiping dan Night Safari	<ul style="list-style-type: none">• Terdapat papan tanda tunjuk arah ke Zoo Taiping dan Night Safari di Lebuhraya Utara Selatan• Terdapat papan tanda tunjuk arah di jalan-jalan dalam kawasan Larut Matang dan Selama	Menjadikan Aktiviti Zoo dan Perkhidmatan Veterinar Sebagai Daya Tarikan Kepada Pencinta Haiwan	JABATAN ZOO/BAHAGIAN KORPORAT, PERHUBUNGAN AWAM DAN PELANCONGAN
		1.5. Kiosk Perniagaan Jualan Cenderahati Zoo Klinik lama zoo akan diubahsuai dijadikan kedai cenderahati	Mewujudkan kiosk-kiosk perniagaan di dalam kawasan Zoo Taiping (berhampiran pintu masuk dan keluar mengikut kesesuaian)		JABATAN ZOO/BAHAGIAN KORPORAT, PERHUBUNGAN AWAM DAN PELANCONGAN
		1.6 Mengadakan dan memberikan Perkhidmatan Veterinar	Memberi perkhidmatan veterinar kepada orang awam untuk haiwan pemeliharaan mereka - 1 bulan sekali		JABATAN ZOO
		1.7. Usahasama dengan Jabatan/Pusat Pelancongan lain bagi menyediakan pakej pelancongan di Taiping	Bilangan mesyuarat dan pakej pelancongan - 2 kali setahun		JABATAN ZOO/BAHAGIAN KORPORAT, PERHUBUNGAN AWAM DAN PELANCONGAN/BAHAGIAN PENGURUSAN BUKIT LARUT



BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	OUTCOME/KEBERHASILAN	JABATAN/BAHAGIAN
	2.3.2 Peluasan kawasan operasi	1. Mewujudkan Pertambahan kawasan operasi Majlis bagi cukai taksiran	Tambahan bilangan pegangan cukai taksiran.	Meningkatkan Pembangunan Dan Memberikan Perkhidmatan Perbandaran Kepada Semua Penduduk Di Dalam Majlis Perbandaran Taiping	JABATAN PENILAIAN/JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN/JABATAN PERANCANG
		2. Mengenalpasti kawasan yang berpotensi untuk dijadikan kawasan tempat letak kereta berbayar	Tambahan tempat letak kereta berbayar.		JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN/JABATAN PERANCANG
	2.3.3 Mempelbagaikan sumber hasil melalui penggalakan pembangunan dan pemajuan	1. Mewujudkan dan menggalakan pembangunan kawasan penempatan baru.	Pertambahan projek perumahan.		JABATAN PERANCANG
		2. Meningkatkan kemudahan dan peluang kegiatan sosio ekonomi bandar	Pertambahan permohonan lesen perniagaan.		JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN



BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	OUTCOME/KEBERHASILAN	JABATAN/BAHAGIAN
2.4	Mempertingkatkan pengurusan Kawalan Perniagaan dan Pelesenan serta menambah peluang perniagaan Pusat Komersial	1. Memperluaskan liputan lesen perniagaan di kawasan luar Bandar	Peratus perniagaan yang aktif dan dapat dikawal	Mengawal Selia Aktiviti Perniagaan Agar Mematuhi Garis Panduan Yang Di Nyatakan Dalam Dasar Kerajaan Pusat Dan Kerajaan Negeri Di Samping Menjana Hasil Organisasi	JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
		2. Mengeluarkan permit bagi restoran atau Kedai makan yang menggunakan Kawasan lapang / luar kedai untuk meletak meja- out door cafe.	Mengawal perniagaan dengan Mengeluarkan permit "Out Door Cafe"		JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
		3. Menggalakkan pengeluaran permit perniagaan sementara bagi penganjuran Ekspo / pameran perdagangan	Memberi peluang orang ramai berniaga - 3 kali perayaan setahun		JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
		4. Mewujudkan tapak-tapak baru untuk perniagaan yang boleh disewakan.	Memberi peluang kepada orang ramai berniaga dan menambah hasil Majlis		JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
		5. Mempertingkatkan pemantauan dan Penguatkuasaan lesen di dalam Bandar dan luar Bandar (Pekan Kecil)	Memastikan semua premis perniagaan mempunyai lesen MPT.		JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN

BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	OUTCOME/KEBERHASILAN	JABATAN/BAHAGIAN
2.5	Meningkatkan pendapatan hasil majlis dari proses permohonan permit berkaitan bangunan				
	1. Pemakluman berhubung penggunaan undang-undang bangunan seragam (UKBS) semasa kelulusan.	1. Menyediakan lampiran borang permohonan dan panduan permit kepada pemohon serta mengedar 'flyers' kepada orang awam.	Terbitan bersiri kepada pemohon dan orang ramai 2 kali setahun	Mengawal Selia Permohonan Pembangunan Agar Mematuhi Perancangan Yang Telah Di tetapkan Oleh Organisasi Dan Pihak Yang Berkepentingan	BAHAGIAN BANGUNAN
	2. Melaksanakan konsep kerjasama dengan bahagian penguatkuasaan dan unit aduan.	2. Memaklumkan senarai kelulusan pelan kepada Bahagian Penguatkuasaan.	Pemantauan setiap bulan bagi setiap skim perumahan baru.		BAHAGIAN BANGUNAN/BAHAGIAN KORPORAT, PERHUBUNGAN AWAM DAN PELANCONGAN/JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
